



## Persatuan Pengguna Pulau Pinang Consumers Association of Penang

檳城消費人協會 பினாங்கு பயனர்களர் சங்கம்

10 Jalan Masjid Negeri, 11600 Pulau Pinang, Malaysia  
Tel: 604-8299511 Fax: 604-8298109  
email: consumerofpenang@gmail.com

Websites:  
[www.consumer.org.my](http://www.consumer.org.my)

**Kenyataan Akhbar**

**21 Mei 2020**

### **Penumpang Feri Perlu Menjaga Diri Daripada Covid-19**

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) mendapati pengguna ferri Pulau Pinang tidak menjaga diri mereka dengan sewajarnya daripada Covid-19 ketika berada di terminal ferri. Apabila pintu pagar ferri dibuka bagi membolehkan penumpang masuk dan keluar ferri kebanyakan penumpang berebut-rebut ke pagar ferri.

Tingkah laku seperti ini amat berbahaya kerana apabila semua penumpang ferri berebut-rebut ke pagar ferri mereka akan berkumpul dalam satu kumpulan dan tiada lagi penjarakkan sosial. Dengan ini akan meningkatkan peluang bagi seseorang yang dijangkiti dengan Covid-19 tetapi tidak bergejala akan menyebarkan penyakit itu kepada orang lain.

Ferri merupakan satu bentuk pengangkutan awam yang sering dipenuhi penumpang kerana ramai orang bergerak dari tanah besar ke bahagian pulau begitu jugalah sebaliknya. Memandangkan semakin ramai yang meninggalkan rumah ketika Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat dan kembali bekerja maka penumpang ferri semakin meningkat menjadi seperti biasa. Tambahan lagi, Hari Raya Aidil Fitri akan dirayakan pada hujung minggu ini. Memandangkan kerajaan tidak mengharamkan kunjungan dan perjalanan daripada tanah besar ke bahagian pulau dan begitu juga sebaliknya, kita juga dapat menjangkakan peningkatan yang ramai bagi penumpang ferri.

Sebagai langkah untuk menghentikan peningkatan Covid-19 dan potensi gelombang kedua daripada berlaku di Malaysia, semua penumpang ferri tidak hanya di Pulau Pinang perlu beratur dan menjaga penjarakkan sosial untuk masuk dan keluar ferri. CAP meminta penumpang ferri supaya patuh kepada nasihat ini dan kakitangan ferri perlu memantau dan mengarahkan penumpang ferri supaya mematuhi arahan ketika masuk dan keluar ferri.

**MOHIDEEN ABDUL KADER**

**Presiden**

**Persatuan Pengguna Pulau Pinang**